

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2012). Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amauan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko

tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

i. Hartanah, Loji dan Peralatan

Pihak Audit mendapati terdapat perolehan kenderaan, perkakas dan peralatan pejabat pada tahun 2014 tidak direkodkan di penyata kewangan berjumlah RM0.37 juta. Ini menyebabkan amaun harta tanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2014 terkurang dinyatakan dengan jumlah yang sama.

ii. Pembiutang Dan Pelbagai Pembiutang

Bayaran kepada pembiutang dan pelbagai pembiutang masing-masing adalah berjumlah RM0.80 juta dan RM0.23 juta tidak dikemas kini ke dalam akaun pembiutang dan akaun pelbagai pembiutang. Ini menyebabkan amaun yang dinyatakan di penyata kewangan terlebih dinyatakan dengan jumlah yang sama.

iii. Perbelanjaan

Terdapat perbezaan amaun perbelanjaan yang dinyatakan di penyata kewangan dengan di Laporan Prestasi Perbelanjaan berjumlah RM4.22 juta. Perbezaan tersebut tidak diberikan penjelasan secara terperinci oleh pihak Majlis. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesahihan amaun perbelanjaan yang berjumlah RM133.18 juta.

Pendapat Berteguran

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2012) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 74, Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.


(TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG)
~~KETUA AUDIT NEGARA~~
~~MALAYSIA~~

PUTRAJAYA
11 APRIL 2016




MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Kami, **Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**, PSM, DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK., dan **Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**, DPMP., DJN., yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis'), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Bagi Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,



.....
**PROFESOR DATO' DR. ANSARY
BIN AHMED
(DPMP., DJN.)**
Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif
Asia e-University

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak

Tarikh: **30 JUN 2015**



.....
**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI
BIN HAJI ZAKARIA
(PSM., DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK.)**
Mufti Kerajaan Negeri Perak

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak

Tarikh: **30 JUN 2015**

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**


Saya, **Dr. Amiruddin Bin Muhamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Bagi Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

.....

DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **Dr. Amiruddin Bin Muhamed**, No. Kad Pengenalan 720313-08-6139, di Ipoh, Perak Darul Ridzuan, di hadapan saya,

pada **30 JUN 2015**



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012]

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>		
		<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM	
HARTA						
Harta bukan semasa						
Hartanah, loji dan peralatan	3	90,427,876	91,586,567	68,361,424	67,543,142	
Harta dalam kemajuan	4	41,876,611	35,822,659	-	506,616	
Pelaburan dalam subsidiari	5	-	-	18,000,000	13,733,000	
Pelaburan saham	6	33,733,922	13,312,550	6,814,320	6,855,600	
Pelaburan sekuriti lain	7	38,142,346	35,392,352	38,142,346	35,392,352	
Aset cukai tertunda		237,359	205,139	-	-	
		<u>204,418,114</u>	<u>176,319,267</u>	<u>131,318,090</u>	<u>124,030,710</u>	
Harta semasa						
Inventori	8	780,363	1,627,287	-	-	
Penghutang	9	3,352,984	4,280,592	1,025,164	850,134	
Pelbagai penghutang	10	11,487,852	11,161,553	600,380	526,547	
Jumlah terhutang oleh Perbadanan berkaitan		15,137	-	-	-	
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen	11	133,847,910	155,748,663	103,000,000	109,000,000	
Wang tunai di tangan dan di bank	12	13,728,160	14,172,129	9,559,470	7,211,705	
		<u>163,212,406</u>	<u>186,990,224</u>	<u>114,185,014</u>	<u>117,588,386</u>	
JUMLAH HARTA		<u>367,630,520</u>	<u>363,309,491</u>	<u>245,503,104</u>	<u>241,619,096</u>	

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
 [Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012]

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)

	<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>		
		<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM	
EKUITI DAN LIABILITI						
Dibiayai oleh:						
Kumpulan wang baitulmal dan rizab		306,120,340	305,387,611	207,998,748	212,776,165	
Liabiliti bukan semasa						
Pinjaman jangka panjang	13	21,278,101	17,979,562	21,278,101	17,979,562	
Liabiliti semasa						
Pinjaman jangka pendek	13	579,460	279,459	579,460	279,459	
Pembiutang	14	12,828,962	9,202,399	10,974,721	5,921,584	
Pelbagai pembiutang	15	26,807,061	25,491,104	1,530,474	1,520,726	
Jumlah terhutang kepada subsidiari		16,596	1,654,021	3,141,600	3,141,600	
Jumlah terhutang kepada perbadanan berkaitan		-	1,517,791	-	-	
Peruntukan cukai		-	1,797,544	-	-	
Jumlah liabiliti		61,510,180	57,921,880	37,504,356	28,842,931	
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		367,630,520	363,309,491	245,503,104	241,619,096	

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012]

**PENYATA BAGI PENDAPATAN ZAKAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	<u>Nota</u>	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
Zakat Fitrah		8,161,210	8,023,402
Zakat Harta		66,829,151	58,539,006
Zakat Perniagaan		38,135,189	40,015,127
Zakat Tanaman		2,351,146	3,247,608
Keuntungan bank dan pendapatan lain		4,563,909	1,993,009
		<hr/> 120,040,605	<hr/> 111,818,152
AGIHAN ASNAF			
Amil	20	17,639,346	13,495,035
Fakir dan Miskin		68,701,925	54,300,221
Muallaf		8,244,302	4,819,459
Ghorimin		1,123,536	951,880
Ibnu Sabil		997,575	621,514
Fisabilillah	21	29,438,767	27,453,684
		<hr/> 126,145,451	<hr/> 101,641,793
(Kekurangan)/Lebihan pendapatan		<hr/> (6,104,846)	<hr/> 10,176,359

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
 [Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012]

**PENYATA BAGI PENDAPATAN SUMBER AM BAITULMAL
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>	
		<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Pendapatan	22	49,407,851	39,702,181	9,255,245	7,057,154
Kos operasi		(25,028,951)	(19,486,701)	-	-
Lebihan pendapatan kasar		24,378,900	20,215,480	9,255,245	7,057,154
Lain-lain pendapatan	23	5,061,590	3,075,687	596,090	1,157,013
Perbelanjaan pentadbiran	24	(17,175,220)	(12,660,139)	(7,031,758)	(5,985,699)
Lebihan pendapatan sebelum cukai dan zakat		12,265,270	10,631,028	2,819,577	2,228,468
Cukai		(3,775,704)	(2,527,257)	-	-
Zakat		(1,000,000)	(1,200,000)	-	-
Kepentingan Minoriti		-	30,000	-	-
Lebihan pendapatan bagi tahun semasa		7,489,566	6,933,771	2,819,577	2,228,468

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI PERUBAHAN KUMPULAN WANG BAITULMAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

KUMPULAN 2014

	Kumpulan Wang Baitulmal RM	Kerugian/ Keuntungan Terkumpul RM	Sumbangan Kerajaan Negeri RM	Tabung Pinjaman Kakitangan RM	Modal Saham RM	Rizab Modal RM	Rizab lain RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2014	161,134,241	2,615,803	2,834,810	300,000	2	48,594,613	89,908,142	305,387,611
Kekurangan/Lebihan pendapatan	(3,435,648)	1,757,489	-	-	-	-	-	(1,678,159)
Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)	-	-	(181,025)	-	-	-	-	(181,025)
Rizab modal	-	-	-	-	-	929,228	-	929,228
Pemindah milikan perniagaan	-	-	-	-	-	-	3,840,159	3, 840,159
Modal saham	(18,000,000)	-	-	-	17,999,998	-	-	(2)
Pelarasan susutnilai terkumpul terdahulu	(87,500)	-	-	-	-	-	-	(87,500)
Pelarasan terdahulu	(2,089,972)	-	-	-	-	-	-	(2,089,972)
Pada 31 Disember 2014	137,521,121	4,373,292	2,653,785	300,000	18,000,000	49,523,841	93,748,301	306,120,340

Nota-nota dinyatakan pada mulka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI PERUBAHAN KUMPULAN WANG BAITULMAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

KUMPULAN 2013

	Kumpulan Wang Baitulmal RM	Kerugian/ Keuntungan Terkumpul RM	Sumbangan Kerajaan Negeri RM	Pinjaman Kakitangan RM	Tabung Pinjaman Kakitangan RM	Modal Saham RM	Rizab Modal RM	Rizab lain RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2013	145,881,231	(2,000)	3,015,835	300,000	2	52,845,433	-	-	202,040,501
Lebihan pendapatan Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)	12,562,440	4,617,803	-	-	-	-	-	-	17,180,243
Rizab modal	-	-	(181,025)	-	-	(4,250,820)	-	-	(181,025)
Pemindah milikan perniagaan	-	-	-	-	-	-	-	-	(4,250,820)
Dividen	-	(2,000,000)	-	-	-	-	-	-	(2,000,000)
Pelarasan terdahulu	2,690,570	-	-	-	-	-	-	-	2,690,570
Pada 31 Disember 2013	161,134,241	2,615,803	2,834,810	300,000	2	48,594,613	89,908,142	305,387,611	

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
 [Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI PERUBAHAN KUMPULAN WANG BAITULMAL
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

MAJLIS

	Kumpulan Wang Baitulmal RM	Sumbangan Kerajaan Negeri RM	Tabung Pinjaman Kakitangan RM	Rizab Modal RM	Jumlah RM
Nota	16	17	18	19	
Pada 1 Januari 2013	145,881,231	3,015,835	300,000	52,845,433	202,042,499
Lebihan pendapatan	12,474,940	-	-	-	12,474,940
Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)	-	(181,025)	-	-	(181,025)
Rizab modal	-	-	-	(4,250,820)	(4,250,820)
Pelarasan terdahulu	2,690,571	-	-	-	2,690,571
Pada 31 Disember 2013	161,046,742	2,834,810	300,000	48,594,613	212,776,165
Pada 1 Januari 2014	161,046,742	2,834,810	300,000	48,594,613	212,776,165
Kekurangan pendapatan	(3,435,648)	-	-	-	(3,435,648)
Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)	-	(181,025)	-	-	(181,025)
Rizab modal	-	-	-	929,228	929,228
Pelarasan terdahulu	(2,089,972)	-	-	-	(2,089,972)
Pada 31 Disember 2014	155,521,122	2,653,785	300,000	49,523,841	207,998,748

**KUMPULAN WANG BAITULMAL TERDIRI
 DARIPADA :**

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Zakat	130,704,882	136,902,601
Wakaf	3,112,973	2,475,860
Sumber Am	17,174,799	16,352,322
Amanah	4,528,468	5,315,959
	<u>155,521,122</u>	<u>161,046,742</u>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>	
	<u>2014</u> <u>RM</u>	<u>2013</u> <u>RM</u>	<u>2014</u> <u>RM</u>	<u>2013</u> <u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
(Kurangan)/Lebihan pendapatan :				
~ Zakat	(6,104,846)	10,176,359	(6,104,846)	10,176,359
~ Wakaf	637,113	(599,012)	637,113	(599,013)
~ Sumber Am	11,265,270	9,431,027	2,819,577	2,228,468
(Pengurangan)/Kenaikan dalam dana Amanah	(787,491)	669,126	(787,491)	669,126
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	3,452,584	3,222,491	1,094,456	1,000,852
Pelarasan tahun lalu	(1,991,648)	2,690,570	(2,089,972)	2,690,570
Pengklasifikasi semula nilai tanah	929,227	(5,210,500)	929,227	(5,210,500)
Keuntungan pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	-	951,484	-	949,180
Dividen diterima	(6,163,047)	(3,027,928)	(5,028,829)	(2,823,305)
Keuntungan diterima	(2,697,988)	(2,661,358)	(1,416,432)	(1,741,489)
Bayaran keuntungan pinjaman	124,520	60,000	124,520	60,000
Hutang ragu	910,720	(1,431)	-	-
Kemerosotan dalam nilai pelaburan	(6,004,300)	4,300	(6,000,000)	-
Pelunasan perbelanjaan kemajuan kerja	1,066,059	673,494	-	-
Aliran tunai (kepada)/dari aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja	(5,363,827)	16,378,622	(15,822,677)	7,400,248

Ota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
 [Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI ALIRAN TUNAI
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)**

<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>	
	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Perubahan modal kerja:				
Kenaikan/(Penurunan) dalam inventori	846,924	(1,627,287)	-	-
(Penurunan)/Kenaikan dalam penghutang	(1,295,677)	(16,228,175)	(175,030)	110,774
Penurunan dalam pelbagai penghutang	(73,833)	(41,666)	(73,833)	(41,666)
(Penurunan)/Kenaikan dalam pembiutang	(4,999,754)	28,041,207	-	(1,515,112)
Kenaikan dalam pelbagai pembiutang	5,062,885	1,335,333	5,062,885	1,335,333
Kenaikan dalam jumlah terhutang kepada subsidiari	-	3,141,600	-	3,141,600
Penurunan dalam sumbangan Kerajaan Negeri	(181,025)	(181,024)	(181,025)	(181,024)
Bayaran keuntungan pinjaman	(124,520)	(60,000)	(124,520)	(60,000)
Perbelanjaan kemajuan kerja	(7,272,527)	(6,475,340)	-	-
Cukai dibayar	(4,836,333)	(934,852)	-	-
Aliran tunai bersih (kepada)/dari aktiviti operasi	(18,237,687)	23,348,418	(11,314,200)	10,190,153

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)**

	<u>Nota</u>	<u>KUMPULAN</u>		<u>MAJLIS</u>	
		<u>2014</u> <u>RM</u>	<u>2013</u> <u>RM</u>	<u>2014</u> <u>RM</u>	<u>2013</u> <u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Perolehan hartaanah, loji dan peralatan	A	(2,647,993)	(1,858,791)	(1,912,738)	(1,310,062)
Modal kepada syarikat subsidiari		(4,267,000)	(13,733,000)	(4,267,000)	(13,733,000)
Penambahan pelaburan saham		41,280	(3,141,600)	41,280	(3,141,600)
Bayaran kemajuan kerja dalam pelaksanaan		506,616	(175,000)	506,616	(175,000)
(Kenaikan)/penurunan dalam sekuriti pelaburan		(16,943,868)	(11,330,846)	3,250,006	(11,330,846)
Dividen diterima		5,800,855	3,027,928	5,028,829	2,823,305
Keuntungan diterima		2,697,988	2,661,358	1,416,432	1,741,489
Aliran tunai bersih dari aktiviti pelaburan		(14,812,122)	(24,549,951)	4,063,425	(25,125,714)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN					
Bayaran pinjaman		(579,459)	(273,979)	(579,459)	(273,979)
Penambahan pinjaman jangka panjang		4,177,999	16,733,000	4,177,999	16,733,000
Penambahan modal berbayar		4,266,998	13,733,000	-	-
Penambahan dalam Simpanan tetap bercagar		(610)			
Rizab lain		3,840,159	28,242,057	-	-
Dividen dibayar		(1,000,000)	(2,000,000)	-	-
Aliran tunai bersih dari aktiviti kewangan		10,705,087	56,434,078	3,598,540	16,459,021
 (Kurangan)/Tambah dalam tunai dan kesetaraan tunai					
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		(22,344,722)	55,232,545	(3,652,235)	1,523,460
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	B	<u>169,920,792</u>	<u>114,688,247</u>	<u>116,211,705</u>	<u>114,688,245</u>
		<u>147,576,070</u>	<u>169,920,792</u>	<u>112,559,470</u>	<u>116,211,705</u>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
 [Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA BAGI ALIRAN TUNAI
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)**

NOTA PENYATA ALIRAN TUNAI

A. PEMBELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Majlis dan Kumpulan telah menambah nilai harta tanah, loji dan peralatan dengan kos agregat masing-masing RM1,912,738 (2013: RM1,310,062) dan RM2,647,993 (2013 : RM1,858,791). Kaedah bayaran tunai RM1,912,738 (2013: RM1,310,062) dan RM2,647,993 (2013: RM1,858,791) telah dibuat oleh Majlis dan Kumpulan untuk membeli harta tanah, loji dan peralatan.

B. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		MAJLIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Wang tunai di tangan dan di bank	13,728,160	14,172,129	9,559,470	7,211,705
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen	133,847,910	155,748,663	103,000,000	109,000,000
	<u>147,576,070</u>	<u>169,920,792</u>	<u>112,559,470</u>	<u>116,211,705</u>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 14 hingga 33 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') ialah sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Aktiviti utama Majlis ialah menganjur, mendorong, membantu dan berusaha meningkatkan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi, sosial dan pentadbiran masyarakat Islam berpandukan hukum-hukum Syarak di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Ibu Pejabat Majlis terletak di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

a. Asas perakaunan

Penyata-penya kewangan kumpulan dan Majlis telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersirat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) dan pelaporan kewangan yang disediakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board - MASB*).

Angka perbandingan di dalam lembaran imbangan bagi tahun sebelumnya telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

Penyata-penya kewangan syarikat subsidiari pula telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (*Private Entity Reporting Standards - PERS*) serta peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata-penya kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

b. Asas Penyatuan

Syarikat subsidiari

Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan adalah hasil penyatuan akaun Majlis dengan akaun syarikat subsidiarinya iaitu PKEINP Sdn. Bhd.

Penyata-penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata-penyata kewangan Majlis dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat subsidiari adalah syarikat di mana kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus daripada semua aktivitiannya. Penyatuan syarikat subsidiari dibuat pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada kumpulan sehingga tarikh kawalan ke atas syarikat subsidiari dilupuskan.

Mengikut kaedah perakaunan pengambilalihan, penghasilan syarikat subsidiari yang diambil alih atau yang dijual dalam tahun kewangan diambil kira dalam untung rugi yang disatukan daripada tarikh pengambilalihan tersebut atau sehingga tarikh penjualan menurut mana yang berkenaan.

Baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Apabila perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari untuk memastikan syarikat subsidiari menerima pakai dasar perakaunan secara konsisten seperti yang diterimakan oleh kumpulan.

c. Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Kos harta, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan Majlis dan kos aset dapat dinilai dengan pasti.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana harta, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

Tanah pegangan kekal dan pegangan pajakan dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal. Tanah pegangan warta tidak dinilai kerana hak milik yang tidak sempurna.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
 [Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

c. Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai (sambungan)

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan kerana tiada had hayat kegunaan, manakala, tanah pegangan pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Kadar tahunan susut nilai untuk hartaanah, loji dan peralatan tetap adalah seperti berikut:

	Kadar Tahunan
Bangunan-bangunan kekal	2.00% - 2.50 %
Bangunan-bangunan sementara	10.00 %
Kenderaan	20.00 %
Jentera pencetak dan mesin	10.00 %
Perkakas dan alatan pejabat	10.00% - 25.00%

d. Harta dalam kemajuan

Harta dalam kemajuan dipermodalkan sebagai hartaanah, loji dan peralatan setelah Majlis menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan.

Susut nilai bagi harta dalam kemajuan ini akan dikenakan bila hartaanah, loji dan peralatan tersebut sedia untuk digunakan.

e. Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal termasuk pelaburan dalam syarikat subsidiari. Peruntukan rosot nilai saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

f. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga kos lebih rendah (dikenalpasti atas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai penilaian bersih. Kos baja dan bahan gunaan, ubat dan peralatan perubatan termasuklah kos belian asal campur kos langsung yang dikenakan untuk membawa inventori-inventori ke lokasi dan berada dalam keadaan sekarang.

Nilai penilaian bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan di dalam proses perniagaan yang normal tolak kos-kos jualan dan kos pengedaran dan kesemua kos-kos lain yang dianggarkan untuk menjualkan inventori.

